

Wacana matangkan belia Islam

BH

5 OCT 2000

AJARAN Islam perlu dibincangkan secara terbuka kerana memberikan tanggapan baik mengenai agama itu, sekali gus memberikan pengetahuan kepada mereka yang berminat untuk mengetahui Islam.

Perbincangan dan wacana secara terbuka bukan bertujuan memecahbelahkan ummah, sebaliknya mengukuhkan perpaduan serta persaudaraan sesama Islam.

Ketika merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menjelaskan, berfikir dan mendalami sesuatu mengenai agama penting untuk Islam.

"Ini tidak bermakna kita menolak perintah Allah, tetapi mendalaminya kerana manusia ciptaan yang mulia dan tinggi di sini Allah," katanya.

Usaha mewujudkan pemikiran dan idea yang baik dalam semua bidang serta tidak terikat kepada soal ibadat saja, amat diperlukan bagi melahirkan kepemimpinan Islam.

Kebanyakan peserta yang menyertai program wacana itu mengakui umat Islam terutama belia, perlu dibimbing dan diberi ruang yang sesuai untuk membincangkan isu berkaitan masa depan umat.

Mereka juga bersetuju perpaduan dan persaudaraan Islam antara elemen terpenting untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan tamadun Islam.

Kini perpaduan dan persaudaraan umat Islam tidak meng-

skop

gambarkan semangat keislaman sebenar. Fitnah dan adu domba berleluasa, sedangkan Islam menganjurkan umatnya hidup tolong-menolong dalam mencari kerediaan Allah.

Allah berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan jangan kamu tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan," (al-Maidah, ayat 2).

Ayat ini jelas menunjukkan pentingnya umat Islam bersatu dalam menjalankan amanah Allah di muka bumi ini. Sebaliknya, Allah melarang kita melakukan dosa dan mencetuskan permusuhan sesama Islam.

Sehubungan itu, setiap ajaran Islam mesti ditafsir secara tepat dan bijaksana agar umat Islam tidak terkeliru dengan pelbagai pandangan.

Ulama dan cendekiawan wajib menjelaskan kepada umat Islam setiap isu yang timbul dengan berpandukan al-Quran dan hadis. Masalahnya, terlalu banyak tafsiran yang diberi menyebabkan umat Islam hidup berpuak-puak kerana mempertahankan pegangan masing-masing.

Dr Mahathir pada majlis itu juga meminta umat Islam berfikir secara bijak dan tidak dipengaruhi oleh salah tafsiran al-Quran kerana boleh mem-

◆ **Menerusi program wacana belia boleh mendapat bimbingan dan diberi ruang yang sesuai untuk membincangkan isu berkaitan masa depan umat Islam**

◆ **Perpaduan dan persaudaraan wajar diberi keutamaan untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan tamadun Islam**

bawa imej buruk kepada mereka serta agama.

Katanya, ada umat Islam yang tidak mahu membincangkan soal agama tetapi mengikutnya saja. Mereka berasakan tidak perlu ada perbincangan kerana otak tidak dapat menafsir agama.

"Sebenarnya, Allah mengurniakan manusia akal agar kita menggunakannya untuk membincangkan dan mentadrib agama.

"Hakikatnya ialah apabila kita amalkan Islam, kita amalkannya mengikut tafsiran seseorang yang terdiri daripada manusia yang tidak menerima ajaran terus daripada Allah," katanya, sambil menambah mereka yang tidak menggunakan akal untuk memilih perkara benar dan salah, akan menjadi seperti robot yang melakukan sesuatu seperti diarahkan.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana umat Islam tidak ada pilihan selain menerima tafsiran seperti yang dibuat dan kerana tafsiran ini dibuat oleh manusia biasa, ada kemungkinan sesetengah daripada tafsiran ini tersilap.

Pelajar tahun akhir Kuliyyah Sains Kemanusiaan UIA, Mohamed Syairoz Mohd Odman berkata, golongan muda perlu diberi bimbingan dan platform untuk menyampaikan pandangan mereka.

Beliau berkata, wacana ini menjadi medan pertemuan bagi golongan muda dari pelbagai latar belakang pendidikan untuk berbincang dan bertukar pandangan dalam pelbagai isu membabitkan agama, politik, ekonomi dan sosial.

Seorang peserta, Mohd Radzi Yatiman berkata, sudah tiba masa umat Islam menumpukan perhatian dalam usaha pembangunan umat dengan menyetepikan fahaman politik.

Katanya, golongan muda mesti melengkapkan diri dengan ilmu fardu Ain tanpa menyetepikan fardu kifayah. Jika umat Islam hanya berbicara soal ibadat khusus, sudah tentu kita akan ketinggalan dalam segala bidang kerana beranggapan ia hanyalah fardu kifayah.

Mohd Radzi yang juga penuntut tahun akhir Kuliyyah Undang-Undang UIA berkata,

golongan muda mesti mengambil peluang dalam wacana sebegini untuk melontarkan idea bernas demi kemajuan umat Islam sejagat.

Khairudin Mohamad dari Muar, pula berkata, forum seumpama ini adalah peluang kepada generasi muda mengasah bakat kepemimpinan, selain menjadikannya kesempatan terbaik untuk menyuarakan terbarang pandangan dan idea generasi muda.

Katanya, mereka perlu berinteraksi dengan pelbagai golongan mesyarakat supaya dapat memahami kaedah menyampaikan mesej Islam dengan berkesan.

Seorang peserta dari Zamboanga, Farwana Uriaji berkata, belia Islam di Malaysia bertuah kerana berpeluang menyuarakan pandangan dalam wacana sebegini.

Katanya, proses kematangan akan berlaku kerana dapat mengenali realiti kehidupan hari ini. Kematangan amat diperlukan terutama apabila mereka berada dalam kelompok masyarakat kelak.

Dengan nada sama, pelajar tahun akhir Kuliyyah Undang-Undang UIA, Saidatul Ashikin Soffian berkata, golongan muda mesti diberi bimbingan dan panduan supaya setiap tindakan mereka berdasarkan ilmu yang kukuh.

Katanya, ilmu pengetahuan adalah aset yang diperlukan apabila mereka berada dalam barisan kepemimpinan negara. Justeru, masa muda mestilah dipenuhi dengan aktiviti berfaedah untuk bekalan masa depan.